

# Akhbar Darul Ridzuan

MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

جاینز اکبر اسلام فیض

EDARAN PERCUMA • EDISI 2 2019M / 1440H



## Hari Anugerah kecemerlangan Pendidikan Islam Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan



Keberangkatan DYAM Raja Dihilir Perak  
menunaikan solat Jumaat di Masjid  
Salahuddin Manjung



Solat Jumaat bersama Dr Mujahid Yusof Rawa  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Agama)



Pelancaran Laman Web Jodoh  
Cinta Sakinah JAIPk



Wacana suami gay  
isteri mak nyah



Majlis Nikah Jama'ei Masjid Sultan Idris Shah II



Majlis Khatam al-Quran Maahad  
Tahfiz al-Quran Negeri Perak



## FIQH IBADAH MUSLIMAH

**Tanjung Rambutan, Ipoh, 4 Oktober 2018:** Program Fiqh Ibadah Muslimah telah berjaya dilaksanakan bertempat di Perkampungan Orang Asli Sungai Choh, Ulu Kinta selama 3 hari 2 malam. Penduduk kampung yang berjumlah 200 orang ini sebahagiannya adalah beragama Islam dan sebahagian yang lain beragama Kristian. Program Bahagian Dakwah, kali ini lebih memberi tumpuan kepada golongan wanita kerana melihat kepada keperluan mereka untuk mendidik anak dan keluarga. Pengetahuan di dalam ilmu agama amatlah diperlukan bagi membantu keluarga mereka mengamalkan Islam di dalam kehidupan harian mereka.

Pengisian program diselitkan dengan kelas Fardu Ain, acara memasak bubur asyura, kelas kraftangan, sukaneka serta ziarah penduduk kampung. Program ini melibatkan Mubaligh Islam dan PMOA daerah Kinta sebagai urus setia. Usaha murni ini perlu diteruskan demi memantapkan kefahaman agama Islam di kalangan masyarakat Orang Asli yang beragama Islam serta dapat menjalin hubungan dengan mereka yang belum Islam.

Sumber: PAID Ipoh

## PERSALINAN TERAKHIR

**Kampong Gajah, 10 Oktober 2018:** Setiap manusia pasti akan mati, di dunia kita mempunyai banyak pakaian dan persalinan yang boleh ditukar ganti, tetapi persalinan pakaian kita yang terakhir adalah sama, di dunia kita memakainya sendiri, tetapi persalinan terakhir kita dipakaikan oleh orang lain, adakah kita telah bersedia? Begitulah pengakhiran hidup manusia.

Oleh itu Pejabat Agama Islam daerah Kampong Gajah telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah bagi Orang Asli dan masyarakat sekitarnya bertempat di Dewan serbaguna Pejabat Agama daerah Kampong Gajah.

Kursus ini diadakan bagi memberi kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai hal-hal berkaitan pengurusan jenazah. Peserta yang hadir mendapat banyak ilmu dan pengetahuan yang sangat berguna. Malah terdapat pelbagai persoalan berkaitan hukum dan adat dalam urusan ini yang mana akhirnya terjawab dengan penjelasan yang diberikan oleh penceramah, kursus pada kali ini telah menjemput Ustaz Noor Azam Arif bin Shaarani sebagai penceramah. Seramai 95 orang peserta telah hadir bagi mengikuti kursus pada kali ini.

Sumber: PAID Kg Gajah



## TULEN BANG!

**Ipooh, 11 Oktober 2018:** Seramai 1000 orang melibatkan penjawat awam telah menghadiri "Wacana Suami Gay Isteri Mak Nyah" yang telah dianjurkan oleh Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Perak dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di Dewan Bankuet, SUK Perak. Seminar merujuk sebuah buku yang diterbitkan oleh Tuan Khairul Anwar Ismail, seorang peguam dan pengamal undang-undang di Malaysia bagi mengenal pasti dan memahami kewujudan gerakan LGBT di samping sudut pandang agama oleh YABhg. Sohibus Samahah Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Majlis Perasmian "Wacana Suami Gay isteri Mak Nyah" disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang komited dengan dasar Jabatan untuk terus menyantuni golongan Ar-Riqab yang ingin kembali ke pangkal jalan. Selain wacana yang berlangsung, juga telah lama diadakan kelas, program, kem, aktiviti keagamaan untuk memastikan tiada golongan yang terpinggir dan mendapat tempat dalam masyarakat. Berlangsungnya Forum Santai membincangkan 2 sudut pandang yang berbeza dan memberikan banyak input kepada golongan sasar yang hadir, perbincangan oleh Moderator SF Tuan Haji Mohd Kamal bin Mohamad Noor Ketua Penolong Pengarah Kanan Dakwah, panel 1 Tuan Mohd Khairul Anwar Ismail dan panel 2 Sohibus Samahah Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan.

Pembentangan Slot 1 (Tuntutan LGBT, Dimanakah percanggahanya di bawah perlombagaan persekutuan) oleh Tuan Khairul Anwar Ismail, penulis buku "Suami Gay Isteri Mak Nyah". Pembentangan Slot 2 oleh YABhg. Sohibus Samahah Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, (Hubungan Gender dan Seks Songsang dari perspektif Islam). Berlangsung sesi petang dengan forum sembang santai bersama Ikon LGBT yang telah kembali ke pangkal jalan bersama Moderator YBhg Tuan Haji Mohd Kamal bin Mohamad Noor Ketua Penolong Pengarah Kanan Dakwah, panel 1 Tuan Mohd Khairul Anwar Ismail dan panel 2 Cikgu Khariri@Ery Personaliti TV, pendakwah & aktivis juga seorang guru yang telah berkongsikan perjalanan hitam hidup sebagai bekas pondan yang disisihkan oleh masyarakat dan kini menjadi contoh untuk golongan songsang ini kembali kepada fitrah.

Sumber: Bahagian Dakwah, JAIPK



## PEDULI AGAMA

**Tanjung Rambutan, Ipoh, 12-14 Oktober 2018:** Bertempat di Perkampungan Orang Asli Sungai Tonggang, telah diadakan satu Program Pemantapan Akidah, Memperkasa Ibadah selama 2 hari 1 malam. Antara pengisian program yang diadakan oleh Bahagian Dakwah JAIPK ini adalah klinik solat, forum agama serta pengurusan jenazah. Selain itu diselitkan dengan acara sukaneka serta ziarah penduduk kampung dan memberi sumbangan kepada beberapa keluarga yang miskin. Program ini melibatkan Mubaligh Islam dan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) daerah Kinta sebagai urus setia.

Majlis dirasmikan oleh Tuan Mohd Zuhadi bin Mohamad Saarani, Ketua Penyelaras PMOA Negeri Perak. Usaha murni ini perlu diteruskan demi memantapkan kefahaman agama Islam di kalangan masyarakat Orang Asli serta dapat menjalankan ukhuwah dengan Jabatan Agama bagi memastikan masyarakat Orang Asli yang beragama Islam tidak tercicir menerima semua kemudahan dan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan.

Sumber: PAID Ipoh



## KEMBARA GEDUNG ILMU TAHUN 2018



**Sungai Siput, 15 Oktober 2018 :** Satu lawatan sambil belajar untuk murid tingkatan 1 hingga tingkatan 3 telah berjalan dengan lancar. Dalam program lawatan kali ini, murid-murid tingkatan 1-3 diberi peluang mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Selain menjadi antara program tahunan, ia juga merupakan satu program yang amat baik untuk mendedahkan murid-murid kepada dunia kampus. Melalui program ini juga diharapkan murid-murid dapat menanam impian dan cita-cita untuk menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM).

Tujuan lawatan ini adalah satu usaha pihak sekolah untuk memberi pendedahan kepada pelajar sebelum melangkah ke 'menara gading'. Menurut pengetua sekolah, 'beliau yakin lawatan ke universiti mampu memberi lebih manfaat dan pendedahan kepada pelajar, sekali gus mendorong mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi'. Selain itu, lawatan sambil belajar ini juga selaras dengan Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahukan setiap murid menghadiri aktiviti luar bilik darjah yang sesuai untuk memberikan pemahaman dan pengetahuan berkaitan ilmu sains perpustakaan.

Sumber: SMTDR Kuala Kangsar

## YAKINI SUMBER YANG HALAL

**Kampong Gajah, 17 Oktober 2018:** Kursus Sembelihan Halal anjuran Pejabat Agama Islam daerah Kampong Gajah telah diadakan dengan jayanya dan dihadiri oleh masyarakat Orang Asli dan masyarakat setempat.

Kursus yang dihadiri seramai 100 orang peserta ini disampaikan oleh Ustaz Yusri bin Abd Rani dari Bahagian Penyelidikan Jaipk, Ipoh. Kursus dimulakan dengan taklimat teori kaedah sembelihan mengikut syarak.

Kursus ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat untuk mencari sumber makanan yang halal. Peserta juga mendapat ilmu yang tepat untuk melakukan sesuatu sembelihan. Malah peserta yang hadir samada lelaki maupun wanita mereka berpeluang melakukan sembelihan sendiri. Rata-rata peserta merasa teruja dengan pengalaman ini kerana kaum wanita sebelum ini kurang pendedahan tentang ilmu sembelihan dan ramai menyangka proses sembelihan hanyalah untuk orang lelaki sahaja.

Sumber: PAID Kg Gajah



## KEBERANGKATAN DYAM RAJA DIHILIR PERAK DARUL RIDZUAN



**Manjung, 19 Oktober 2018:** Telah selesai satu majlis Keberangkatan DYAM Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan Raja Iskandar Dzulkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris Afifullah Shah di Masjid Salahuddin, Taman Desa Bayu Manjung untuk menuaikan solat Jumaat. Ketibaan rombongan Tuanku pada jam 12.50 tengah hari dan disambut oleh Pengurus Masjid Salahuddin Dato Dr Zulkafli serta ahli jawatankuasa yang lain. Tuanku tiba bersama dua orang anakandanya dan diiringi oleh Orang Besar Jajahan Manjung Toh Seri Bijaya Lt. Kol (B) Dato Shaharuddin bin Hj Nazari. Turut hadir dif-dif kehormat, ketua-ketua jabatan, Imam Daerah dan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah (PPMD) Manjung bagi menyambut ketibaan Tuanku Raja DiHilir. Setelah selesai bersalaman, Tuanku diiringi masuk ke dalam masjid bagi menuaikan solat tahiyyatul masjid seterusnya menuaikan solat Jumaat.

Khatib yang ditugaskan pada hari ini ialah Ustaz Abdullah bin Abdul Hamid dan Muazzin pula ialah En. Afandi bin Safie. Tajuk khutbah pada minggu ini adalah 'Mencari Keredhaan Allah'. Keberangkatan Tuanku ini bukan semata-mata untuk melakukan solat Jumaat tetapi sebagai lawatan mesra dan istimewa kerana Tuanku adalah penyumbang utama bagi pembinaan masjid tersebut. Tuanku berkenan untuk menyumbang kepada pembinaan masjid dianggarkan RM 2 juta. Setelah selesai solat jumaat, Tuanku menandatangani buku pelawat serta penyerahan Makalah Masjid yang disampaikan oleh Pengurus sebagai cenderahati kepada Tuanku. Kemudian diadakan pula sesi bergambar bersama Ahli Jawatankuasa masjid dan dif-dif kehormat. Seterusnya Tuanku membuat lawatan luar bangunan masjid untuk melihat keadaan masjid tersebut. Tuanku juga melihat plan cadangan untuk meluaskan ruang solat bagi memuatkan bilangan jemaah dalam satu-satu masa. Tuanku berharap cadangan tersebut akan berjalan dengan lancar dan dipermudahkan. Akhir sekali Tuanku diiringi ke Hotel Horizon Garden untuk santapan tengah hari seterusnya berangkat pulang.

Sumber: PPMD Manjung dan Bahagian Pengurusan Masjid

## STREET DAKWAH : PENGUATKUASA JAIPk SANTUNI MASYARAKAT MANJUNG

**Manjung, 26-27 Oktober 2018:** Street Dakwah daerah Manjung 2018 telah dianjurkan oleh Unit Penguatkuasaan, Pejabat Agama daerah Manjung melabuhkan tirai dengan jayanya. Program yang disertai oleh 10 orang wakil daripada pegawai dan anggota Penguatkuasa JAIPk bersama 20 orang daripada NGO IKRAM dan ARIF daerah Manjung. Program yang berlangsung selama 2 hari bermula 26-27 Oktober ini telah diselisih oleh pendakwah terkemuka Negara yang juga Protoge kepada Dr Zakir Naik, Bro Firdaus Wong Wai Hung daripada Multiracial Reverted Muslims (MRM) telah memberikan panduan dan tunjuk ajar dalam menjayakan program dakwah tersebut. Program Street Dakwah ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Dr Mohd Hatta bin Md Ramli, Timb. Menteri Pembangunan Usahawan merangkap Ahli Parlimen Lumut. Menurut Bro Firdaus Wong , uniknya program Street Dakwah ini kerana dianjurkan oleh Pejabat Agama daerah Manjung Bahagian Penguatkuasaan dan bukannya bahagian dakwah.

"Ini sebenarnya satu usaha untuk mempertingkatkan kualiti dan imej Pejabat Agama Daerah dan JAIPk terutamanya bahagian penguatkuasaan yang sering dilihat ganas tetapi program kali ini adalah untuk menguatkuasakan undang-undang dengan cara menyantuni masyarakat dan andai perlu barulah tindakan tegas dilakukan" ujarnya lagi. Antara lokasi yang menjadi sasaran iaitu di TF Manjung dengan aktiviti solat berjemaah maghrib dan isyak di lapangan dan berdakwah mendekati individu. Lokasi kedua pula di Lumut Waterfront dan Marina Island sehingga jam 1.30 pagi.

Menurut Ustaz Hafez Rizal, Ketua Unit Penguatkuasa daerah Manjung, turut difokuskan adalah usaha menerangkan kepada masyarakat bukan Islam mengenai perkara-perkara yang menjadi salah faham tentang ajaran Islam. "Alhamdulillah, masyarakat menyambut baik program ini" katanya lagi.

Sumber: PAID Manjung dan Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah JAIPk (BPUS)



## UJIAN KENAIKAN PANGKAT KOPERAL KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)



**Lenggong, 27 Oktober 2018:** Bertempat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULE) telah berlangsungnya ujian kenaikan pangkat koperal bagi persatuan unit beruniform Kadet Remaja Sekolah (KRS). Ujian tersebut diadakan selama satu hari sahaja bermula pukul 8 pagi hingga 5 petang. Tujuan program tersebut dijalankan adalah untuk mempelajari cara-cara berkawad yang betul, bagaimana hendak menjadi komander yang berwibawa, menguruskan diri ketika berada di hutan tanpa sebarang bantuan dan mempelajari bagaimana bekerja dalam satu pasukan. Program tersebut telah dihadiri oleh Tuan Anuar bin Ahmad iaitu guru dari Kolej Vokasional Pertanian Teluk Intan sebagai jurulatih utama dalam ujian kenaikan pangkat kadet remaja sekolah.

Beliau dibantu oleh empat orang tenaga pelajar dari sekolahnya untuk membantu menjayakan program tersebut. Banyak perkara yang dipelajari oleh kadet remaja sekolah STARULE sewaktu program tersebut diadakan. Diharapkan program tersebut dapat diteruskan lagi pada masa hadapan untuk membentuk jati diri kadet remaja sekolah STARULE yang kuat fizikal, mental dan rohani. Program berakhir lewat petang dengan majlis penutupan penyampaian cenderahati sebagai penghargaan kepada guru kadet remaja sekolah Kolej Vokasional Pertanian iaitu Tuan Anuar bin Ahmad bersama pelajarnya atas kesudian hadir menjayakan program ujian kenaikan pangkat pada tahun 2018.

Sumber: SMTDR Lenggong

## LAMAN WEB JODOH DAN MODUL KEFAHAMAN POLIGAMI

**Ipo, 30 Oktober 2018:** Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) melancarkan laman web Jodoh Cinta Sakinah dan Modul Kefahaman Poligami, di sini hari ini. Exco Agama dan Pendidikan Islam, Asmuni Awi berkata, pelancaran laman web yang mendapat kerjasama antara JAIPk dan KPERAK Inc itu bertujuan memudahkan golongan yang sukar mencari jodoh. "Walaupun terdapat banyak laman web mencari jodoh di luar sana seumpama ini, laman web Jodoh Cinta Sakinah yang dilancarkan ini adalah satu-satunya laman web jodoh berkonsepkan Islamik berdasarkan kepada pendekatan yang terkandung dalam laman web itu sendiri. "Modul Kefahaman Poligami pula merupakan modul pertama yang dilancarkan di Malaysia bertujuan mengelakkan perkahwinan di luar negara seperti di Selatan Thailand," katanya. Walau bagaimanapun tambahnya, inisiatif tersebut bukanlah bertujuan untuk menggalakkan poligami. Kata Asmuni, jika terdapat permohonan dari pihak suami untuk berpoligami, kehadiran isteri pertama ke mahkamah adalah diwajibkan untuk mendapatkan penjelasan. "Namun, mahkamah juga boleh menggunakan budi bicara untuk memanggil isteri atau tidak atau dengan persetujuan isteri tanpa hadir bagi mendapatkan kebenaran memudahkan proses poligami," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media majlis Pelancaran Laman Web Jodoh Cinta Sakinah dan Modul Kefahaman Poligami di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM). Sementara itu, Pengarah JAIPk, Datuk Mohd Yusop Husin yang ditemui pemberita berkata, laman web itu bertujuan membantu golongan yang sukar dan telah lanjut usia mencari jodoh khususnya kepada warga Perak. "Modul poligami yang dilancarkan adalah memuatkan elemen perundangan dan hukum Islam dalam memberi kefahaman kepada peranan suami isteri," katanya. Difahamkan laman web tersebut boleh diakses menerusi pautan cintasakinahjaipk.perak.my. Pelancaran ini diadakan seusai Seminar Mendepani Cabaran Keibubapaan yang dianjurkan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di sini. Pelbagai NGO Islam, guru dan orang ramai turut menghadiri seminar ini dalam usaha memberi pendedahan awam terhadap pendidikan awal kanak-kanak.



Sumber: Bahagian Pembangunan Keluarga



## KELAS RENANG

**Kuala Kangsar, 30-31 Oktober 2018:** Bertempat di Kolam Renang Kuala Kangsar, seramai 17 orang pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULe) telah mengikuti kelas renang. Kelas tersebut telah dikendalikan oleh seorang perenang terlatih iaitu Encik Yazid. Tujuan kelas renang diwujudkan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas berenang. Selain belajar asas berenang, pelajar juga turut diajar cara menyelamat mangsa ketika waktu bencana ataupun situasi kecemasan di dalam air.

Bukan itu sahaja, banyak perkara asas yang dipelajari sama ada sebelum renang dari segi pemakaianya, teknik berenang yang betul, ketika berenang dan selepas berenang serta perkara-perkara penting yang perlu dititikberatkan oleh seorang perenang sama ada yang professional maupun orang biasa. Kelas renang ini wajar disertai oleh semua lapisan usia kerana manfaat yang diperoleh daripada kelas renang kepada individu sangat banyak salah satunya dapat memberikan kesihatan yang baik.

Sumber: SMTDR Lenggong

## FITNAH DAJJAL & AKHIR ZAMAN

**Ipo, 31 Oktober 2018:** Kepedulian masyarakat Islam berkenaan persiapan menghadapi era akhir zaman begitu terbukti dengan kehadiran lebih 600 orang peserta dari pelbagai agensi dan jabatan ke Seminar Fitnah Dajjal & Akhir Zaman anjuran Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM), bertempat di Dewan Saidina Abu Bakar INTIM. Berbagai pendedahan serta perkongsian ilmu diperbincangkan oleh penceramah jemputan iaitu al-Fadil Ustaz Ahmad Munawir bin Salehuddin, Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak.

Begitu menggerunkan apabila mengenangkan fenomena alam dan tragedi yang berlaku kebelakangan ini walaupun kebanyakannya berlaku di negara jiran namun suasana penghayatan di sebalik "Hikmah" berlakunya sesuatu peristiwa itu begitu meruntun jiwa dan menginsafkan. Inilah sebahagian tarikan yang berjaya dibawa oleh penceramah kepada setiap hati peserta yang hadir pada seminar tersebut. Insya-Allah seminar umum seperti ini akan sentiasa dianjurkan bagi memenuhi tanggungjawab penyebaran dakwah dan kefahaman masyarakat kepada Islam.

Sumber: INTIM



## DAULAT TUANKU

**Bagan Datuk, 2 November 2018:** Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan telah diadakan di Masjid Aziziah Batu 20. Majlis dimulai dengan bacaan Yasin yang dipimpin oleh Imam Masjid Aziziah Batu 20 dan disambung dengan doa selamat serta ucapan ringkas Orang Besar Jajahan Bagan Datuk selaku wakil sultan di daerah ini. Seterusnya majlis diteruskan dengan solat Jumaat dan diakhiri dengan jamuan makan serta bergambar beramai-ramai. Turut hadir memeriahkan majlis YDH Toh Seri Lela Paduka Dr Khalid bin Ismail selaku Orang Besar Jajahan Bagan Datuk bersama-sama ketua-ketua jabatan di daerah Bagan Datuk serta ahli kariah Masjid Aziziah Batu 20.

Dalam ucapan ringkas Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, beliau ada mengingatkan kepada ahli-ahli yang hadir agar bersama-sama kita melaksanakan tuntutan zakat sepetimana yang telah diperintahkan oleh Allah Taala ke atas orang Islam. Beliau juga memohon jasa baik orang ramai untuk menunaikan zakat di Pejabat Baitulmal Bagan Datuk yang telah mula beroperasi dengan rasminya. Dengan menunaikan zakat di Baitulmal, pihak Baitulmal dapat mengumpulkan hasil kutipan tersebut dan dapat diagihkan dengan hemat dan cermat serta sampai kepada mereka yang layak. Terima kasih diucapkan kepada semua atas kebersamaan dalam memohon keberkatan dan perlindungan ke atas Sultan Perak dan Permaisuri, kerabat DiRaja serta seluruh rakyat jelata Negeri Perak Darul Ridzuan.

Sumber: PAID Bagan Datuk



## SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT DAERAH KUALA KANGSAR 1440H/2018M



**Kuala Kangsar, 8 November 2018:** Kira-kira 500 umat Islam menyertai Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat daerah Kuala Kangsar 1440H bertempat di Dewan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Kuala Kangsar.

Majlis ini disertai oleh YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato Seri Wan Mohd. Fathir@Wan Fadzin bin Wan Hussain (Orang Besar Jajahan daerah Kuala Kangsar). Majlis ini dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Imam Besar Masjid Diraja Us Adnan bin Abd Rahman. Penerima tokoh Maal Hijrah ini menerima wang tunai berjumlah RM 1000.00 berserta sijil penghargaan yang diterima oleh Tuan Haji Syed Mahizan bin Syed Hashim (Mantan Pegawai Pelajaran daerah Kuala Kangsar).

Tema sambutan Maal Hijrah untuk tahun 1440H/2018M adalah "Menyantuni Umat Membawa Rahmat". Pemilihan tema bertepatan usaha kerajaan mahukan rakyat mengamalkan nilai murni melalui jalinan hubungan silaturrahim dan sikap saling menghormati antara satu sama lain tanpa mengira status agama, bangsa dan fahaman politik.

Sumber: PAID Kuala Kangsar

## OPS CEGAH JENAYAH “TEMU SERU”

**Kuala Kangsar, 8 November 2018:** Ops Cegah Jenayah “Temu Seru” bersama NGO-NGO Islam daerah Kuala Kangsar telah dijalankan di tempat tumpuan awam di seluruh Kuala Kangsar.

Sepanjang operasi tersebut dijalankan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dan ahli-ahli NGO telah memberikan nasihat dan teguran kepada segelintir orang awam yang disyaki melakukan kesalahan yang melibatkan Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992.

Ustaz Fadzlan Mokhtar, Ketua Unit Penguatkuasa Kuala Kangsar berkata, kerjasama bersama NGO ini bukan kali pertama diadakan namun sudah beberapa kali dalam menjalankan aktiviti dakwah bersama-sama.

“Mereka sebagai agen yang membantu Pejabat Agama daerah Kuala Kangsar dalam mencegah kemungkaran yang berlaku.” tegas beliau.

“Besarlah harapan agar setiap daerah lain dapat menjalankan kerjasama yang baik dengan pihak luar seperti NGO-NGO Islam agar meringankan bebanan yang terpundak di bahu Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) tambahnya lagi.

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah JAIPK (BPUS)



## TADIKA ISLAM PERAK RAIKAN MAJLIS KONVOKESYEN



**Kuala Kangsar, 12 November 2018:** Tadika Islam Perak daerah Kuala Kangsar di bawah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) mengadakan Majlis Konvokesyen Tadika Islam Perak daerah Kuala Kangsar bagi tahun 2018 di Dewan Tun Salleh, karters PDRM, Jalan Sultan Iskandar Shah, Kuala Kangsar.

Lima buah tadika kelolaan JAIPk di daerah meraikan acara yang bertemakan pakaian pengantin bagi kanak-kanak yang mendapat didikan di tadika berkenaan dari usia 4, 5 dan 6 tahun berjumlah hampir 200 orang murid.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Pengarah JAIPk, Tuan Haji Harith Fadzilah Abd. Halim dimeriahkan dengan acara bacaan ayat yasin, nasyid, tarian, bacaan sajak bahasa Inggeris dan penyampaian sijil untuk murid-murid tadika tersebut.

Sumber: PAID Kuala Kangsar

## LAWATAN KERJA UNIT HALAL JAIPk KE HUB HALAL JAKIM

**Putrajaya, 13 November 2018:** Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah mengadakan lawatan kerja ke Bahagian Hub Halal JAKIM, Putrajaya. Lawatan kerja selama sehari itu telah disertai oleh kakitangan Unit Pengurusan Halal seramai 6 orang bersama-sama 6 orang lagi pelajar Praktikal di unit Pengurusan Halal.

Kesemua peserta bertolak dari bahagian penguatkuasa JAIPk pada Jam 10.00 pagi, 12 November 2018 sebelum lawatan ke Bahagian Hub Halal JAKIM bagi mengelakkan kesesakkan lalulintas dan memudahkan urusan lawatan kerja pada keesokan hari. Lawatan ini telah dirancang dari awal tahun lagi. Setibanya rombongan JAIPk di Hub Halal JAKIM seawal Jam 8.00 pagi dan disambut mesra oleh Pegawai-pegawai Hub halal JAKIM. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mempelajari dan mendalami sistem My e-halal secara khususnya sistem penjadualan pemantauan ke atas premis. Selain itu, staff JAIPk juga dapat berkenal-kenalan dengan kakitangan Bahagian Hub Halal JAKIM seterusnya dapat mengeratkan silaturrahim antara kedua-dua organisasi selain dapat bertukar-tukar maklumat berkaitan data pensijilan halal negeri Perak dan JAKIM. Kehadiran Staff JAIPk juga telah melestarikan hubungan baik dua hala antara kedua-dua Jabatan yang telah terjalin sekian lama.

Lawatan ini juga banyak memberi pendedahan kepada Staff Unit Halal JAIPk berkenaan sistem My e-Halal secara mendalam. Staff Hub Halal jakim juga banyak membantu dalam merungkai permasalahan berkenaan penggunaan sistem My e-Halal selain dapat melihat proses pencetakan Sijil Halal Malaysia secara lebih dekat. Rombongan JAIPk turut dibawa melawat ke seluruh unit dalam Bahagian Hub Halal



JAKIM, antaranya adalah unit pemantauan dan penguatkuasaan, unit pensijilan, Unit Pentadbiran serta Unit Komunikasi dan Multimedia. Diharapkan lawatan ini dapat memantapkan serta meningkatkan tahap kefahaman staff Unit Halal JAIPk terhadap pengurusan Sistem My e-Halal.

Sumber: Bahagian Penyelidikan, JAIPk

## KEM BADAN BERUNIFORM SMATT 2018



**Taiping, 16-18 November 2018:** Seramai 40 orang pelajar yang terdiri dari tingkatan 1 hingga 4 telah menyertai perkhemahan badan beruniform yang diadakan di Perasa Auto Camp Changkat Jering. Kesemua pelajar ini terdiri dari dua unit beruniform, iaitu Persatuan Puteri Islam Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Perkhemahan tersebut telah berlangsung selama 3 hari 2 malam. Seramai 6 orang guru pengiring telah terlibat dalam perkhemahan ini. Perkhemahan unit beruniform ini sepenuhnya telah dikendalikan oleh pasukan konsultan yang telah dilantik oleh pihak sekolah iaitu Roza Nature Adventure. Kesemua modul yang terkandung di dalam perkhemahan ini digarap dan disusun sepenuhnya oleh Roza Nature Adventure, bersesuaian dengan fikrah Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan daerah Batang Padang (SMATT).

Pada hari pertama, peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan sebelum melakukan sesi LDK yang pertama iaitu Ice Breaking. Pada sebelah malamnya pula, kesemua peserta dikumpulkan di dalam dewan bagi sesi LDK yang kedua. Pada hari kedua, LDK lebih tertumpu kepada aktiviti fizikal dan di luar dewan. Pada sebelah petangnya pula, diadakan aktiviti Treasure Hunt yang mana aktiviti ini sememangnya tertumpu kepada semangat kerjasama berpasukan serta kemampuan fizikal individu.

Pada sebelah malamnya pula, para peserta bersama-sama guru pengiring serta kakitangan Roza Nature Adventure bersama-sama membaca yasin selepas solat maghrib. Selepas selesai solat Isyak, para peserta dikumpulkan di dewan bagi sesi LDK seterusnya. LDK seterusnya adalah pada pagi hari terakhir, iaitu Explore Race. Dalam aktiviti ini, para pelajar dikehendaki menyelesaikan beberapa misi yang diberikan secara berkumpulan. Selesai LDK terakhir, para peserta dikumpulkan bersama-sama guru pengiring di dalam dewan bagi majlis penutup. Perkhemahan ini secara rasminya tamat pada jam 2 petang.

Sumber: SMTDR Batang Padang

## MASJID SUMBER KEHIDUPAN

**Bagan Datuk, 18 November 2018:** masyarakat kanak-kanak sehingga warga emas. Sirah Nabawi telah menjelaskan kepada kita bahawa masjid merupakan satu institusi yang amat besar dan berpengaruh di dalam kehidupan sesuatu tamadun. Hal ini telah dibuktikan oleh Nabi Muhammad SAW apabila Baginda sendiri mendirikan masjid dan seterusnya menjadikan masjid sebagai tempat pembangunan tamadun Islam. Baginda tidak menjadikan masjid sebagai tempat ibadah semata-mata, bahkan masjid juga digunakan sebagai pusat pengajian, pusat kemasyarakatan, pusat dakwah, pusat pentadbiran dan sebagainya. Justeru, Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk telah mencari kaedah dalam usaha memupuk masyarakat agar menjadikan masjid sebahagian dalam kehidupan seharian dengan mengadakan program "Mini Karnival Hijrah Mahabbah Imarah Masjid Daerah Bagan Datuk". Program ini telah berlangsung selama 2 hari di Masjid Al-Aula Simpang Empat dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada lapisan

Setelah selesai daurah kitab, majlis diteruskan dengan Majlis Perasmian Mini Karnival Hijrah Mahabbah Imarah Masjid Daerah Bagan Datuk oleh Orang Besar Jajahan Daerah Bagan Datuk dan disambung dengan ceramah perdana yang disampaikan oleh al-Fadil Ustaz Harith Fadhilah bin Abd Halim. Pada sebelah malam, program diteruskan dengan slot cerapan bulan.

Slot cerapan bulan ini telah mendapat kerjasama daripada Bahagian Falak Jabatan Mufti Negeri Perak. Masuk hari kedua, pelbagai aktiviti dijalankan secara serentak yang membolehkan pelbagai peringkat usia menyertainya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah bicara ilmu falak yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Faizal bin Jani, pertandingan mewarna kanak-kanak, kelas master chef bersama chef Nor Hafiz bin Yazid, pameran-pameran agensi kerajaan, gerai-gerai jualan, kelas memanah, pemeriksaan kesihatan dan pertandingan futsal. Dengan adanya program sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan



masyarakat setempat serta membuka minda masyarakat untuk saling membangunkan institusi masjid. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang memberi kerjasama dalam menjayakan program ini dan diharap program sebegini dapat dianjurkan di masa akan datang.

Sumber: PAID Bagan Datuk



## KELUARGA SAKINAH MAWADDAH WARAHMAH DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

**Sungai Siput, 21-22 November 2018:** Kursus ini dianjurkan oleh Unit Dakwah Pejabat Pentadbiran Agama Islam daerah Kuala Kangsar. Kursus ini juga diadakan secara bersiri di beberapa Pos di perkampungan Orang Asli daerah Kuala Kangsar seperti Pos Legap, Pos Piah, Gugusan Chenein dan Pos Lalang. Hampir 200 orang penduduk kampung Orang Asli Satut, Pos Perwor Lasah memeriahkan program ini. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini seperti gotong-royong bersama mad'u, sukaneka, solat berjemaah dan ceramah keluarga sakinhah. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan tentang nikah adat, cerai, rujuk dan kekeluargaan. Ini kerana banyak permasalahan di kalangan Orang Asli terutama bab nikah adat.

Sumber: PAID Kuala Kangsar

## AL-QURAN DIJUNJUNG, HUFFAZ TERBILANG

**Manjung, 23 November 2018:** Buat julung kalinya, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, Daerah Manjung telah mengadakan Majlis Graduasi Huffaz bagi tahun 2018 yang bertempat di Dewan Terbuka SMTDRDM. Majlis yang diadakan bertujuan meraikan anak-anak pelajar yang berjaya menghatamkan hafalan 30 juzuk mereka serta cenderahati kepada pelajar yang berjaya menghafal mengikut muka surat yang tertinggi pada Mukhayyam al-Quran yang telah berlangsung pada 19-22 November yang lalu. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Naib Yang Dipertua PIBG, Tuan Haji Mohamed Arif bin Ismail selaku perasmian program dan juga Ketua Kampung Teluk Gedung, Pulau Pangkor. Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan al-Quran Bil Qiraat daripada wakil pelajar. Seterusnya berlangsung penyampaian sijil dan cenderahati buat para huffaz. Semoga dengan usaha ini, para pelajar lebih bersemangat untuk menghatamkan hafalan 30 juzuk mereka di samping turut menghayati isi kandungan al-Quran tersebut. Tahniah diucapkan kepada para guru al-Quran SMTDRDM serta ibu bapa pelajar kerana dengan bantuan dan dorongan kalian para pelajar berjaya bergelar huffaz al-Quran dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan seharian.

Sumber: SMTDR Manjung



## KHIDMAT NASIHAT KAEDEAH BERHEMAD DALAM PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH

**Ipooh, 26 November 2018:** Kursus Asas Kaunseling telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar. Program yang dirangka bertujuan bagi menambah maklumat berhubung amalan kaunseling yang diamalkan oleh kaunselor berdaftar. Antara lain ialah membina kemahiran Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dalam menjalankan sesi khidmat nasihat khususnya dalam kes-kes jenayah Syariah.

Program yang melibatkan keseluruhan pegawai dan anggota penguatkuasa JAIPk dijalankan selama sehari di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM). Agenda pengisian yang menarik ialah pengenalan kaunseling. Di dalam sesi ini, semua anggota ditekankan berhubung matlamat kaunseling supaya dapat membimbang pihak yang menghadiri sesi dengan sifat empati, bersungguh-sungguh dan menunjukkan minat dalam membantunya. Selain itu, sesi praktikal amalan kaunseling ditunjukkan dengan PPA melakonkan simulasi sesi kaunseling bersama pihak penceramah. Perkara ini sangat membantu PPA agar dapat mempraktikkan kaedah, cara, kemahiran yang boleh digunakan di dalam sesi khidmat nasihat. Kemuncak program pada sebelah petang, iaitu majlis penutup telah disempurnakan oleh al-Fadil Ustaz Hj Ahmad Nizam



bin Amiruddin, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA) dengan menyampaikan ucapan penutup dan penyerahan cenderahati kepada barisan penceramah.

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah JAIPk (BPUS)

## 13 PASANG PENGANTIN DIRAIKAN BERSAMA



**Ipooh, 27 November 2018:** Satu sambutan Majlis Nikah Jama'ie Syar'ie telah dianjurkan oleh Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak). Sebanyak 13 pasangan telah diraikan di dalam majlis ini. Dengan adanya inisiatif Nikah Jama'ie ini, ia dapat memudahkan pasangan-pasangan untuk bernikah. Seperti yang kita semua sedia maklum, untuk mengendalikan perkahwinan pada zaman sekarang memerlukan kos yang tinggi. Hanya dengan bayaran RM1800 sepasang, majlis akad nikah berjalan dengan meriah dan sempurna. Dengan bayaran yang begitu menjimatkan, pasangan pengantin terus mendapat sijil dan kad nikah serta-merta, bayaran termasuk upah jurunikah, saksi nikah, penginapan di hotel, foto perkahwinan dan bunga telur.

Setiap pasangan pengantin juga boleh menjemput 50 orang dari kalangan saudara mara, keluarga atau rakan-rakan bagi menikmati jamuan yang disediakan. Seorang peserta program ini Puan Nurul Tasha binti Muhd Nazri berpendapat "Program nikah Jama'ie syar'ie adalah satu program yang secara tidak langsung mewujudkan platform membina keluarga sakinah. Di samping itu program ini dapat mengelakkan terjadinya perkara mungkar di kalangan anak muda masa kini. Ia ternyata menjimatkan kos perbelanjaan pasangan pengantin, semoga program ini akan terus dilaksanakan lagi untuk memudahkan urusan pasangan yang mahu mendirikan rumah tangga dalam menuju redha Allah "Program ini dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Perak

Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin. Turut hadir meraikan majlis ini ialah Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga Tuan Haji Zakaria bin Abd Razak, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Tuan Haji Mohd Azam bin Hamzah, Pengetua Institut Tadbiran Islam Perak Tuan Haji Jamil bin Mohd Sapri yang turut sama menikahkan pasangan pengantin. Persiapan Majlis nikah Jama'ie ini turut diuruskan bersama Sukarelawan dan An-Nisa Masjid Sultan Idris Shah II.

Turut menyumbang dalam menjayakan majlis ini ialah jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Bomba Negeri Perak, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, Polis Di Raja Malaysia, Majlis Bandaraya Ipoh, Jabatan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA Negeri Perak) yang membantu dalam penyediaan peralatan, khemah dan hiasan. Kumpulan Perbadanan Pertanian Negeri Perak, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak antara yang terlibat menyumbang bagi menjayakan program ini. Imam Besar Masjid Negeri Al-Fadil Tuan Haji Abd Farid bin Salleh menyeru kepada pasangan yang berhajat untuk mendirikan perkahwinan agar menyertai program seperti ini di Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) kerana ia diadakan pada minggu pertama cuti sekolah bulan November setiap tahun.

Sumber: Bahagian Pengurusan Masjid, JAIPk

## "SAYA HANYA MAHU MEMBERI 'MAHKOTA SYURGA' KEPADA IBU BAPA SAYA"

**Kerian, 30 November 2018:** "Saya hanya mahu memberi 'mahkota syurga' kepada ibubapa saya" begitulah kata-kata mutiara daripada salah seorang hafizah daripada Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Kerian (SEMARAK) yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk dalam masa yang singkat. Saban tahun, SEMARAK tidak ketinggalan dalam melaksanakan Majlis Khatam al-Quran bagi meraikan para pelajarnya yang telah tamat menghafaz al-Quran. Hari ini adalah tarikh keramat bagi 8 orang pelajar yang istimewa kerana ia merupakan tarikh mereka disambut dengan riang bagi majlis perkahwinan kerana telah tamat hafazan 30 juzuk. Majlis yang penuh barakah ini telah diadakan di surau SEMARAK dan paluan kompong menandakan majlis sudah bermula. Pelajar-pelajar yang disambut telah diberi pakaian istimewa dan diiringi paluan kompong daripada pasukan nasyid serta para pelajar lain dan guru-guru dari pintu pagar sekolah ke surau SEMARAK. Detik ini adalah paling menyeronokkan bagi mereka kerana jelas terbukti kepuasan terpapar di wajah mereka. Majlis ini dihangatkan lagi dengan kehadiran ibu bapa dan seluruh warga SEMARAK yang memenuhi surau. 8 orang pelajar ini dari kalangan tingkatan 2 hingga 5 dikehendaki membaca surah ad-Dhuha hingga surah terakhir bagi melengkapkan majlis khatam al-Quran tersebut. Lebih mengharukan lagi apabila dapat menyaksikan tangisan daripada ibu bapa dan pelajar yang disambut kerana terlalu bersyukur sudah menamatkan hafazan 30 juzuk. Seterusnya, majlis ini diteruskan dengan bacaan doa yang diiringi oleh (Ustaz Akramin) dan diakhiri dengan penyampaian sijil dan cenderahati yang diberikan oleh pihak sekolah. Ustaz Mohd Shu'ah bin Halim berkata "saya begitu bangga dengan prestasi



sekolah ini. Setiap tahun, SEMARAK pasti dapat melahirkan ramai hafizah-hafizah berkat daripada usaha mereka sendiri" kata-kata daripada pengetua SEMARAK ini mungkin menjadi pembakar semangat kepada para pelajar lain yang berusaha menamatkan hafazan al-Quran. Para ibu bapa yang turut hadir berasa terharu dengan pencapaian anak-anak mereka dan pihak sekolah yang mengadakan majlis yang begitu meriah kepada anak-anak mereka. Pihak sekolah amat berbangga dengan pencapaian para pelajar yang telah menamatkan hafazannya pada tahun 2018 dan sebelumnya. Setakat ini, SEMARAK telah melahirkan lebih daripada 30 orang hafizah sejak awal penubuhan sekolah ini pada tahun 2014. Rekod tamat hafazan yang terbaik adalah seawal tingkatan dua telah berjaya menghabiskan 30 juzuk.

Sumber: SMTDR Kerian

# Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Islam Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2018

## MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ISLAM PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2018

**INSTITUT TADBIRAN ISLAM PERAK (INTIM)  
DEWAN SAIDINA ABU BAKAR  
IPOH, 19 OKTOBER 2018**

**Ipoh, 19 Oktober 2018:** Seramai 60 orang urus setia Bahagian Pendidikan termasuk guru-guru Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) telah terlibat dalam persiapan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Islam Peringkat Negeri Perak yang diadakan pada 19 Oktober 2018.

Majlis ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzudin Shah ibni Almarhum Sultan Nazrin Shah Al-Maghfur-Lah yang bertempat di Dewan Saidina Abu Bakar, Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM). Keberangkatan tiba baginda diiringi oleh YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu. Turut berkenan berangkat ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Majlis ini merupakan majlis tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan, JAIPk yang melibatkan Tadika Islam Perak, Sekolah Tahfiz Swasta, Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR Sepenuh Masa), Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR Integrasi KAFA), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) serta Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR). Pada majlis tersebut, Sultan Nazrin telah berkenan menyampaikan 47 anugerah kecemerlangan kepada penerima termasuk 17 orang Hafiz Muda yang dipilih berdasarkan penilaian pemarkahan hafazan 30 juzuk dalam kalangan pelajar tahfiz di seluruh negeri Perak.

Antara anugerah yang disampaikan adalah Anugerah Sekolah Terbaik UPKK, Anugerah Sekolah Terbaik SRAI, Anugerah Sekolah Terbaik UPSR, Anugerah Sekolah Terbaik I'dadi dan Thanawi, Anugerah Sekolah Terbaik SPM, Anugerah Sekolah Terbaik STAM, Anugerah Sekolah Terbaik Pengurusan Tadika dan KAFA, Anugerah Sekolah Terbaik Pengurusan SPBT, Anugerah Penyelia Cemerlang Tadika Islam Perak dan Penyelia KAFA, Anugerah Sekolah Inovasi, Anugerah Khas Pendidik, Anugerah Jasamu Dikenang, Anugerah Tokoh Guru dan Hafiz Muda 30 Juzuk.

Bahagian Pendidikan, JAIPk



YAB Menteri Besar Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu menyambut hormat keberangkatan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



DYMM Sultan Nazrin bersama Tan Sri Dato' Dr Hj Harussani Zakaria Mufti Negeri Perak



Tuan Nasar bin Kurdi Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAIPk turut menyambut DYMM Paduka Seri Sultan

جایز اکادمی اسلام فرقہ



Anugerah Pelajar Terbaik Sijil Rendah Agama Islam 2017 Ahmad Sha'rawi bin Ahmad Syukri



Anees Nabila Sakinah binti Nazari penerima Anugerah Pelajar Terbaik Thanawi 2017



Urus setia Majlis bergambar kenangan bersama YAB Menteri Besar



Tuan Hj Zainal Azman menyapa mesra tetamu kehormat



Dato' Pengarah dan pegawai-pegawai JAIpk bersama YAB Menteri Besar



Orang ramai memenuhi Dewan Saidina Abu bakar



Kumpulan koir dari sekolah Izzuddin Shah turut membuat persembahan



Mufti Negeri Perak Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj Harussani Zakaria hadir sebagai tetamu jemputan

## SANTUNI ASNAF SAUDARA KITA



**Ipo, 12 Disember 2018:** Program Ziarah Asnaf Saudara Kita anjuran Unit Dakwah, Pejabat Agama Islam Daerah Ipoh, telah berjaya diadakan dengan jayanya. Program yang melibatkan 20 orang asnaf saudara kita ini adalah penerima bantuan baitulmal dari MAIPk.

Program yang bermula seawal jam 9 pagi ini melibatkan 10 orang urus setia yang terdiri daripada Tuan Asyraf bin Ismail, Pegawai Tadbir Agama daerah Ipoh, Mubaligh Islam, Penggerak Masyarakat Orang Asli dan kakitangan pejabat. Sebanyak 3 buah kenderaan digunakan bagi melancarkan perjalanan ke tempat yang telah ditentukan.

Pengisian program adalah dengan bertanya khabar serta penyerahan hamper barang dapur sebagai buah tangan kepada asnaf yang terpilih dalam ziarah kali ini. Program seperti ini amatlah baik sekali di dalam menjalinkan hubungan dengan Saudara Kita supaya mereka tidak merasa terpinggir dan sebagai bukti Jabatan Agama tidak pernah meninggalkan mereka di dalam membantu mereka meningkatkan taraf hidup serta membimbing mereka memahami agama Islam dengan lebih baik lagi.

Sumber: PAID Ipoh

## KEMAHIRAN DIASAH

**Cameron Highland, 12-13 Disember 2018:** Seramai 90 orang Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (KAFA) daerah Kuala Kangsar mengikuti Kursus Kemahiran Penulisan Surat Rasmi dan Minit Mesyuarat selama dua hari satu malam yang diadakan di Hotel Rosa Passadena, Cameron Highland. Kursus ini dianjurkan oleh Unit Pendidikan daerah Kuala Kangsar untuk meningkatkan kualiti guru-guru KAFA khususnya kepada Setiausaha dan Guru Besar.

Antara objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada Guru Besar dan Setiausaha mengenai teknik penulisan surat rasmi dan minit mesyuarat yang betul. Majlis penutup telah dirasmikan oleh Tuan Haji Burhanuddin bin Md Dali, Pegawai Tadbir Agama Pejabat Pentadbiran Agama Islam daerah Kuala Kangsar.

Sumber: PAID Kuala Kangsar



## AL-QURAN SENTIASA TERSEMAT DI DADA KAMI SELAMANYA



**Ipo, 22 Disember 2018:** Seramai 27 orang pelajar semester 6 yang telah berjaya mengkhatam dan menghafaz al-Quran 30 juzuk telah diraikan pada Majlis Khatam al-Quran Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Perak 2018 yang diadakan di Dewan Saidina Abu Bakar, Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM).

Pembelajaran pelajar-pelajar tersebut akan diteruskan sehingga mereka menduduki peperiksaan akhir pada akhir bulan Februari 2019 seterusnya menamatkan pengajian dalam Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.

Majlis kendalian Persatuan Kebajikan Siswa Maahad Tahfiz Al Quran Negeri Perak (PERKEMAT) yang diadakan di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) tersebut disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Norsyariman bin Haji Saharuddin, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Seiring dengan berlangsungnya majlis penyampaian sijil berkenaan, maka didoakan agar pelajar-pelajar tersebut akan terus istiqamah dengan pembelajaran al-Quran seterusnya beramal dan menyampaikan ilmu al-Quran sepanjang hidup mereka.

Sumber: INTIM



# MENELADANI AKHLAK AHLUL BAIT

**Ipo, 7 Januari 2019:** Ulama merupakan pewaris kepada para nabi. Tanpa mereka maka manusia akan menjadi sesat serta hilanglah pedoman ke arah jalan yang benar. Mereka adalah cahaya yang menerangi kegelapan. Begitulah tingginya sanjungan terhadap jasa seseorang ulama. Kehadiran Tuan guru al-Habib Ahmad bin Husin Aidid ke Masjid Sultan Azlan Shah Ipoh jelas membawa satu rahmat yang besar kepada para Jemaah masjid.

Tausiah yang disampaikan oleh beliau mengajak para Jemaah yang hadir untuk meningkatkan rasa cinta dan kasih ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta mengamalkan sunnah Baginda dalam kehidupan sehari-hari. Tuan guru Al-Habib Ahmad bin Husin Aidid ditemani oleh Ustaz Aminuddin bin Abd Rahim sebagai penterjemah dalam majlis tausiah tersebut.

Hal ini bagi memudahkan para jemaah dapat memahami isi kandungan kitab yang dikarang dan disyarahkan sendiri oleh Tuan guru Al-Habib Ahmad yang menggunakan Bahasa Arab. Turut hadir Imam Utama Masjid Sultan Azlan Shah Ipoh, Tuan Haji Syed Mohd Muzzaffar bin Syed Azlan serta ahli jawatankuasa masjid bersama-sama mendengar tausiah yang disampaikan oleh Tuan Guru al-Habib Ahmad.

Majlis Tausiah ini selesai pada jam 11.30 pagi dengan diakhiri doa penutup oleh Tuan guru al-Habib Ahmad. Banyak manfaat yang diperolehi melalui majlis tausiah ini. Pihak masjid berharap agar majlis ilmu seperti ini dapat diadakan lagi di masa akan datang.



Sumber: Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh



# BENGKEL MODUL 2019

**Ipo, 15 Januari 2019:** Perbicangan bersama wakil-wakil bahagian yang dilantik sebagai Pegawai Perhubungan Latihan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah diadakan di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) bagi membentang cadangan kursus setiap bahagian di JAIPk sepanjang tahun 2019.

Sebanyak 7 bahagian dalam pentadbiran JAIPk menyertai perbincangan tersebut yang terdiri dari Bahagian Khidmat Pengurusan, Pendidikan, Dakwah, Pembangunan Keluarga, Penyelidikan serta Pengurusan Masjid dan Surau termasuk INTIM sendiri telah membentang perancangan bengkel, kursus, latihan serta seminar yang bersesuaian mengikut keperluan bahagian-bahagian yang terlibat.

Jumlah keseluruhan program yang telah dipersetujui untuk dijalankan bagi tahun 2019 ini adalah sebanyak 98 program bermula bulan Januari sehingga bulan Disember 2019.

InsyAllah segala perancangan yang dijadualkan akan cuba dilaksanakan dengan sebaiknya dengan kerjasama bahagian-bahagian yang berkenaan. Moga dengan terlaksananya program-program ini akan menghasilkan pegawai-pegawai JAIPk yang berketrampilan dan mahir dalam bidang yang ditugaskan.

Sumber: INTIM

# WAJIB DIPELAJARINYA!



**Kampong Gajah, 17 Januari 2019:** Program Fiqh An Nisa' yang dianjurkan oleh Persatuan Kuliah Dhuha bersama Pejabat Agama Islam daerah Kampong Gajah adalah satu program khas bagi memberi penerangan dan menjawab isu-isu yang berkaitan hukum-hukum khususnya untuk kaum wanita.

Seramai 100 orang peserta hadir untuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh Ustazah Siti Aminah binti Abdullah dari Pusat Kecemerlangan Pengajian Islam Darussayafie, Seri Iskandar. Para peserta tekun mendengar ceramah dan banyak ilmu yang diperolehi terutamanya berkaitan urusan fiqh wanita yang lazim dihadapi oleh mereka. Penceramah telah memberikan penjelasan yang amat baik sekali berkaitan soalan yang diajukan oleh peserta.

Program Fiqh An Nisa' ini sangat mendapat sambutan dari peserta dan mereka berasa bersyukur kerana mendapat banyak ilmu sebagai panduan dan dapat meleraikan banyak persoalan yang menjadi kekeliruan selama ini. Malah mereka mengharapkan agar program ini sentiasa diadakan lagi agar kaum wanita berterusan memperolehi ilmu dan belajar mengenai hukum-hukum berkaitan isu wanita.

Sumber: PAID Kg Gajah



# PENGUMUMAN KEPUTUSAN STAM TAHUN 2019

**Ipooh, 17 Januari 2019:** Keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah diumumkan. Seramai 615 orang calon di negeri Perak telah mengambil peperiksaan tersebut yang dilaksanakan serentak di seluruh negara pada bulan Oktober tahun 2018 yang lalu.

Seramai 24 orang calon telah mendapat pangkat Mumtaz iaitu pangkat tertinggi dalam peperiksaan STAM. Manakala 109 orang calon mendapat pangkat Jayyid Jiddan iaitu pangkat kedua tertinggi di dalam peperiksaan STAM. Bagi pangkat ketiga ialah pangkat jayyid, dan seramai 217 orang calon telah berjaya mencapai kelulusan di pangkat tersebut.

Calon-calon yang berjaya mendapat keputusan yang baik di dalam peperiksaan STAM boleh dikategorikan sebagai pelajar yang cemerlang. Hal ini kerana jika terdapat satu mata pelajaran tidak lulus di dalam peperiksaan tersebut, calon akan dikategorikan sebagai gagal. Sebagai contoh jika seorang pelajar gagal di dalam mata pelajaran Feqah sedangkan mata pelajaran yang lain mendapat kelulusan yang cemerlang maka keputusan peperiksaan calon berkenaan akan dikira gagal. Justeru kecemerlangan yang dicapai oleh pelajar-pelajar STAM seharusnya sesuatu yang boleh dibanggakan.

Untuk rekod, terdapat 22 buah sekolah yang melaksanakan peperiksaan STAM di negeri Perak. 2 buah darinya Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), 4 buah darinya sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan 16 buah yang lain adalah Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Sumber: Bahagian Pendidikan, JAIPk

# KAFA: MENDIDIK GENERASI BERTAKWA



**Ipoh, 18 Januari 2019:** Satu taklimat Penyaringan Data Guru KAFA 2019 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak. Program tersebut telah dihadiri oleh beberapa orang pegawai Bahagian Pendidikan beserta 29 orang penyelia KAFA negeri Perak. Ianya dilaksanakan bertujuan merangka, mengumpul dan menyaring data guru KAFA Perak bagi keperluan Taskforce di Bahagian Pendidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM.

Sesi taklimat tersebut telah disampaikan oleh Muhamad Noor, Penolong Pengarah Unit Data Bahagian Pendidikan, JAIPk. Antara perkara lain yang disampaikan oleh beliau adalah penerangan konsep KAFA Baharu yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM. Ia bertujuan memperkasakan lagi pendidikan Islam khususnya Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang berlangsung di seluruh negara. Penambahbaikan dari segi kurikulum dan taraf perjawatan yang sesuai bagi guru KAFA menjadi perkara yang akan diberikan tumpuan buat masa ini.

Sumber: Bahagian Pendidikan, JAIPk

## WATIKAH PELANTIKAN KEPIMPINAN PELAJAR



**Manjung, 18 Januari:** Kepimpinan pelajar antara tonggak utama sesebuah sekolah. Sehubungan dengan itu, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan daerah Manjung (SMTDRDM) di awal sesi 2019 telah mengadakan watikah pelantikan kepimpinan pelajar. Majlis yang diadakan bertujuan untuk melantik dan memperkenalkan kepimpinan baru bagi sesi 2019. Di antara kepimpinan pelajar yang terlibat ialah badan ketua pelajar yang diketuai Ketua Umum Saudara Baihaqi Al-Hakim bin Khirruzaman, Pengawas Pusat Sumber, barisan Ketua Tingkatan, dan Pengawas Skim Pinjaman Buku Teks. Watikah disampaikan oleh Tuan Haji Abdul Karim bin Wahi, Pengetua SMTDRDM dengan diiringi Ustaz Ahmad Fauzul 'Azim bin Mohammad Penolong Kanan Hal Ehwal Murid. Majlis Watikah diakhiri dengan bacaan ikrar yang dipimpin oleh Ketua Umum SMTDRDM sesi 2019.

Sumber: SMTDR Manjung

# LANTIKAN JAWATANKUASA: TANGGUNGJAWAB, INTEGRITI DAN DEDIKASI

**Hutan Melintang, 23 Januari 2019:** Telah selesai dengan jayanya sesi taklimat dan Majlis Penyerahan Senarai Lantikan Jawatankuasa Kariah Masjid dalam daerah Bagan Datuk bagi Sesi 2019-2022 di Bilik Kuliah Masjid Azizah Batu 10 Hutan Melintang. Majlis bermula dengan ucapan perasmian dan amanat yang telah disampaikan oleh YBhg. Tn Hj Muhamad Khairul Basri bin Osman Pegawai Tadbir Agama daerah Bagan Datuk. Beliau menegaskan dan memperingatkan kepada semua jawatankuasa kariah masjid di dalam daerah Bagan Datuk bagi Sesi 2019-2022 yang baru dilantik agar menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan dedikasi terhadap tugas yang diberi. Ini kerana ahli jawatankuasa masjid merupakan pemacu serta cermin di mata masyarakat yang melihat masjid sebagai suatu institusi yang mulia. Di kesempatan ini juga beliau mengucapkan tahniah bagi mereka yang masih meneruskan lagi tugas sebagai jawatankuasa masjid. Lakukanlah tugas yang diberi dengan penuh integriti dan dedikasi.

Seterusnya majlis mempersilakan ucapan dari wakil Penghulu YBhg. Tuan Iskandar Penghulu Mukim Teluk Bharu sebagai tuan rumah penganjuran majlis ini. Beliau juga turut menyentuh di dalam ucapannya agar ahli jawatankuasa kariah masjid bagi Sesi 2019-2022 ini saling bekerjasama dengan pejabat penghulu serta mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti pengimaranan masjid khususnya dalam daerah Bagan Datuk bagi menarik minat masyarakat bersama-sama mengimarkan masjid. Kerjasama ini amat penting kerana pejabat penghulu bukan sahaja tempat masyarakat menyelesaikan masalah bahkan menjadi tonggak dalam membentuk satu masyarakat yang muafakat dan saling bekerjasama antara satu sama lain secara langsung menjadi satu suasana yang harmoni.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Shukor selaku Pemangku Pegawai Penyelaras Masjid Daerah Bagan Datuk. Beliau sendiri telah memberi taklimat serta penjelasan tentang bidang tugas, peranan jawatankuasa masjid, cara penyerahan kuasa dan tindakan pada perkara-perkara yang perlu dijalankan oleh pihak ahli jawatankuasa kariah masjid sesi 2019-2022. Seterusnya majlis menjemput al-Fadil Tuan Haji Muhamad Khairul Basri bin Osman Pegawai Tadbir Agama Daerah Bagan Datuk untuk menyerahkan senarai lantikan jawatankuasa kariah masjid di dalam daerah Bagan Datuk bagi sesi 2019-2022 kepada wakil setiap masjid yang hadir. Turut hadir bersama bagi memeriahkan majlis tersebut YBhg. Penghulu Mukim Hutan Melintang Encik Ridzuan serta YBhg. Penghulu Mukim Bagan Datuk / Rungkup Encik Ainal bin Ghani. Majlis selesai pada jam 11.00 pagi dan para hadirin dijemput menjamu selera jamuan yang disediakan.

Sumber: PAID Bagan Datuk



## MAJLIS PENUTUP MINGGU TRANSISI PELAJAR TINGKATAN 1



**Manjung, 24 Januari 2019:** Berakhirlah sudah minggu transisi yang telah berlangsung selama 2 minggu. Minggu transisi ini melibatkan semua pelajar tingkatan 1 Tahfiz di bawah kelolaan Unit Kaunseling Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan daerah Manjung (SMTDRDM). Pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan di dalam minggu ini, antaranya pengisian daripada semua ketua bidang, pengenalan berkaitan sekolah, pertandingan syarahan serta nyanyian solo dan sebagainya. Semua pelajar bersemangat dan berminat dengan aktiviti yang dijalankan. Objektifnya ialah untuk memberi pengenalan berkaitan sekolah dan paling utama mengukuhkan ukhuwah di antara pelajar dan juga warga SMTDRDM keseluruhannya.

Majlis penutup program transisi ini telah dirasmikan oleh Penolong Kanan Pentadbiran Ustaz Muhammad Khair Azhar bin Kamaruddin. Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan juga telah disampaikan oleh beliau. Semoga para pelajar sentiasa proaktif dan bersungguh-sungguh dalam apa jua perkara yang bakal ditempuhi pada masa akan datang.

Sumber: SMTDR Manjung



## TAKLIMAT PERMOHONAN MENYAMBUNG PENGAJIAN KE TIMUR TENGAH



**Ipooh, 24 Januari 2019:** Hasrat para pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dari negeri Perak Darul Ridzuan untuk menyambung pelajaran, khususnya ke Universiti Al-Azhar Mesir telah di buka sebaik keputusan STAM diumumkan. Bagi merealisasikan hasrat mereka, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam dengan kerjasama Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak telah mengadakan taklimat serta penerangan khusus mengenai prosedur permohonan dan syarat-syarat kelayakan pemberian bantuan Baitul Mal kepada para pelajar di negeri Perak.

Program selama setengah hari , yang berlangsung di dewan Auditorium INTIM itu telah disertai oleh hampir 200 pelajar lepasan STAM dari sekolah-sekolah Agama di seluruh negeri Perak. Di dalam program ini, para peserta turut didedahkan dengan syarat terkini kelayakan akademik sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Al-Azhar. Pada program kali ini pihak pengangur turut memberi peluang kepada Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar memberikan info-info terkini berkenaan tawaran belajar di universiti berkenaan. Kemeriahan program ini turut dirasai dengan penglibatan ibu bapa dan para peserta dalam sesi soal jawab dan interaksi dua hala bersama pihak pengangur.

Program yang bermula seawal jam 9.00 pagi itu dihadiri oleh wakil guru serta para ibu bapa. Rata-rata para peserta dan ibu bapa yang ditemui melahirkan rasa puas hati dan terima kasih dengan program yang dilaksanakan. Semoga para pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran mereka nanti bakal menjadi aset kepada pembangunan negara.

Sumber: Bahagian Pendidikan, JAIPK

## SEKETIKA BERSAMA MENTERI AGAMA



**Parit Buntar, 25 Januari 2019:** YB Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Agama) telah hadir ke Masjid Ridzuan Pusat Bandar Parit Buntar untuk menunaikan solat Jumaat. Hadir sama untuk menunaikan solat Jumaat adalah YB Hasnul Zulkarnain bin Abdul Munaim Adun Titi Serong ,YDH Toh Maharaja Indera Dato' Haji Khairuddin bin Arshad Orang Besar Jajahan Kerian ,Tuan Salbi bin Bakri selaku Pegawai Daerah Kerian, Ustaz Shahir bin Shaari, Imam Daerah Parit Buntar dan Ustaz Mohamad Hanif bin Mohamad Teridi Penyelaras Pentadbiran Masjid Parit Buntar. Khutbah Jumaat disampaikan oleh al-Fadil Ustaz Sabirin bin Ali dengan tajuk al-Quran Sebagai Cahaya Petunjuk. Antara perkara-perkara penting yang disampaikan oleh khatib adalah amalan membaca dan ganjaran pahala.

Sumber: PAID Parit Buntar

## KALAU TAK DIPECAHKAN RUYUNG, MANAKAN DAPAT SAGUNYA



**Kuala Kangsar 26-27 Januari 2019:** Panitia Tahfiz Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Kuala Kangsar (SEMENTAK) telah menganjurkan Kem Smart Hafazan yang disertai 51 pelajar dan 7 orang guru pengiring di Kem Salak North, Sungai Siput selama dua hari bermula pada 26 Jan 2019 dan berakhir pada keesokan harinya.

Seorang peserta kem, Muhammad Akmal Fahmi, 14 berkata, kem Smart Hafazan tersebut telah memberikan peluang kepada mereka dalam mengenali potensi dan kemampuan diri yang sebenar dalam hafazan al-Quran.

Katanya, pelbagai tip yang diberikan oleh penceramah juga meningkatkan keyakinan mereka dalam hafazan al-Quran. Ini kerana program tersebut katanya, berupaya membantu para pelajar khususnya yang menghadapi masalah dalam hafazan al-Quran.

Pengetua SEMANTAK, Puan Noramila Abdullah dalam ucapan perasmian penutup menyentik semangat pelajar untuk terus meningkatkan prestasi hafazan dengan lebih baik mengikut teknik hafazan yang sesuai dengan kemampuan masing-masing.

Sumber: SMTDR Kuala Kangsar

## 'AHLI JAWATANKUASA KARIAH EJEN PENGUBAH SOSIO MASYARAKAT'

**Seri Iskandar, 29 Januari 2019:** Pejabat Agama Islam daerah Seri Iskandar melalui Unit Pengurusan Masjid Daerah telah mengadakan taklimat dan penyerahan watikah kepada Ahli Jawatankuasa Kariah yang baru bagi sesi 2019-2022, program ini telah diadakan di Dewan Al-Khawarizmi, UiTM Seri Iskandar, Bota, yang dirasmikan oleh YBhg. Orang Kaya-kaya Setia Bijaya Dato' Seri Ghazali bin Hj. Abd. Rahman. Program ini juga turut dihadiri Oleh Tuan Tarmizi bin Md Jam selaku Penyelaras Parlimen Parit dan Pegawai Tadbir Agama Daerah Seri Iskandar. Majlis ini dihadiri seramai 215 orang melibatkan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Penolong setiausaha.

Antara intipati ucapan Orang Besar Jajahan menekankan supaya masjid dapat dioptimumkan penggunaannya dalam erti kata lain masjid sebagai "ONE STOP CENTER" bagi komuniti setempat selain dari matlamat untuk mengimarahkan masjid. Orang Besar Jajahan juga menekankan konsep 3P iaitu mengutamakan Pengimarah, Penyatuan, Perpaduan dan Penstabilan ekonomi masyarakat setempat. Di akhir ucapan beliau mengharapkan transformasi pengurusan masjid dapat dilaksanakan secara istiqomah supaya mencapai matlamat Rahmatan Lil A'alam.

Pengisian program menekankan berkaitan dengan peraturan-peraturan jawatankuasa kariah 2015 dan tadbir urus masjid yang telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid al-Fadil Tuan Haji Saiful Azizi bin Abd Manap dan Pegawai Tadbir Agama Taiping al-Fadil Ustaz kamal Izat bin Ahmed.

Sumber: PAID Seri Iskandar



# KEKURANGAN SEBAGAI RAHMAT

**Ipoh, 29-31 Januari 2019:** "Adakah aku terpinggir kerana kekuranganku ini?". Mungkin itulah luahan yang bermain di sanubari seorang insan tergolong kalangan insan kurang upaya seperti warga pekak apabila kesukaran mereka berhadapan orang ramai dalam komunikasi antara satu sama lain.

Maka Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Perak mengambil inisiatif mengadakan kelas Bahasa Isyarat untuk OKU pekak kepada kakitangan jabatan ini yang terdiri daripada Pegawai dakwah Pejabat Agama Islam daerah dan kakitangan yang lain. Kursus yang diadakan selama 3 hari ini bertempat di Pusat Kegiatan Dakwah (PKD) Jalan Tiger Lane. Peranan dan tanggungjawab kakitangan jabatan ini sangat mencabar apatah lagi apabila berhadapan situasi begini supaya mereka boleh berinteraksi dengan baik terhadap golongan orang pekak dan membimbang mereka. Secara tidak langsung segala ujian yang dianggap sebagai kekurangan kepada golongan OKU ini merupakan rahmat besar buat peserta yang telah diberi peluang untuk mempelajari Bahasa Isyarat ini.

Seramai 30 orang kakitangan yang terlibat dalam kursus Bahasa Isyarat ini merasa teruja mempelajari ilmu baru yang sangat berguna bukan sahaja untuk urusan rasmi malah dalam kehidupan sehari-hari. Malah mereka dibimbang oleh tenaga pengajar yang berpengalaman iaitu Cikgu Azlina binti Kamal Bashah seorang Jurubahasa Isyarat bebas dan merupakan bekas kakitangan Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) selama 7 tahun. Semoga dengan adanya kursus Bahasa Isyarat ini kakitangan jabatan ini dapat memahami dan menyantuni golongan oku pekak dengan berhemah. Kursus yang diadakan ini juga telah membuka minda peserta untuk memikul tanggungjawab sebagai saudara seagma menyampaikan dakwah kepada mereka.

Sumber: Bahagian Dakwah, JAIPK



## BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH

**Muallim, 30 Januari 2019 :** Pejabat Pentadbiran Agama Islam daerah Muallim telah mengadakan penyerahan tugas jawatankuasa kariah 2019-2022 yang dihadiri oleh Orang Besar Jajahan Daerah Muallim, Pegawai Daerah Muallim, Pegawai Tadbir Agama Daerah Muallim serta Penghulu-Penghulu Daerah Muallim yang merupakan jawatankuasa pemilih. Program ini bermula jam 10.00 pagi sehingga jam 1.30 petang. Program ini dimulai dengan bacaan doa, kemudian ucapan Pegawai Tadbir Agama seterusnya salam pengenalan Pegawai Daerah Muallim.

Kemudian Orang Besar Jajahan menyampaikan Taujihat kepada jawatankuasa kariah yang baru dan lama. Tujuan program ini untuk mengeratkan sillaturahim antara jawatankuasa kariah masjid. Program diakhiri dengan penyerahan sijil penghargaan kepada jawatankuasa kariah yang lama kemudian gimik penyerahan tugas daripada jawatankuasa kariah yang lama kepada jawatankuasa kariah yang baru disaksikan oleh jawatankuasa pemilih yang dipengerusikan oleh Orang Besar Jajahan.

Sumber : PAID Muallim





## MENCARI KEBAHAGIAAN & REDHO ALLAH

**Kampong Gajah, 30 Januari 2019:** Bertempat di Dewan Serbaguna Pejabat Agama daerah Kampong Gajah telah diadakan Kursus Keluarga Sakinah, yang dianjurkan oleh Unit Dakwah Pejabat Agama daerah Kampong Gajah.

Kursus ini bertujuan memberi panduan di dalam sesebuah rumah tangga terutama hubungan suami dan isteri di mana keduanya perlu ada persefahaman dan komunikasi di antara satu sama lain. Untuk membina sebuah keluarga Muslim yang bahagia suami dan isteri hendaklah menjadi satu keluarga yang mengamalkan kehidupan berkualiti dari sudut ibadah dan akhlak yang baik.

Kursus ini juga memberi pendedahan dan pemahaman bagi golongan yang ingin berpoligami mengikut panduan yang betul. Banyak penerangan di dalam kursus ini yang boleh dijadikan panduan kepada pasangan suami isteri untuk membina sesebuah keluarga yang mendapat kebahagiaan dan keredhoan Allah. Ceramah pada hari ini telah disampaikan oleh Pegawai Tadbir Agama daerah Kampong Gajah, al-Fadil Tuan Mohd Halim bin Mat Saman.

Seramai 80 orang peserta dari kalangan Orang Asli, Guru KAFA dan masyarakat setempat yang hadir memeriahkan kursus ini. Peserta memperoleh banyak nasihat dan ilmu rumah tangga yang dapat membantu mereka dalam melayari kehidupan sebagai suami isteri yang soleh dan solehah.

Sumber: PAID Kampung Gajah

## KALIMAH AGUNG SERATA ALAM

**Hutan Melintang, 31 Januari 2019 :** "Allahu Akbar Allahu Akbar" inilah di antara kalimah-kalimah yang sering kali dilaungkan oleh para Muazzin dan didengari oleh sekalian alam. Hal ini bertujuan memberi tahu kepada semua masyarakat Islam bahawa telah masuknya waktu solat fardu yang wajib ditunaikan. Dengan susunan bait-bait kalimah yang agung dan alunan-alunan tarannum yang didengari, akan tetapi hukum-hukum yang terdapat tidak boleh sama sekali untuk dilanggar.

Justeru, pihak Pejabat Agama Islam daerah Bagan Datuk dengan kerjasama Masjid Aziziah Batu 10 Hutan Melintang telah mengadakan Kursus Tahsin Muazzin Siri 2. Tujuan kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan serta membantu para Muazzin dalam mengetahui tatacara, hukum-hukum dan kaedah tarannum yang bersesuaian semasa malafazkan kalimah-kalimah azan dan iqamah. Tenaga pengajar bagi kursus tahsin ini ialah Ustaz Haji Zamhana bin Ismail.

Kursus ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi teori dan sesi praktikal. Sesi teori diadakan selama 1 jam sahaja. Manakala sesi praktikal diadakan selama 2 jam. Ini bertujuan bagi memudahkan tenaga pengajar menegur dan membetulkan setiap Muazzin apabila melaungkan azan dan iqamah. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada para Muazzin Masjid sekitar Mukim Hutan Melintang dan Mukim Teluk Bharu telah menyertai kursus pada kali ini. Pegawai Tadbir Agama Daerah Bagan Datuk, al-Fadil Tuan Haji Muhamad Khairul Basri bin Osman telah menyempurnakan majlis penutupan Kursus Tahsin Muazzin Siri 2 ini.

Dalam ucapannya, beliau berasa terharu dan berterima kasih kepada semua para peserta yang sanggup meluangkan masa dan hadir dalam usaha memperbaiki dan mempelajari tatacara, hukum-hukum serta kaedah tarannum dalam melaungkan azan dan iqamah walaupun kebanyakan yang hadir kursus ini adalah mereka yang menjangkau usia emas. Beliau juga berharap agar bakat-bakat yang ada pada para Muazzin di dalam kursus ini dapat dikongsikan bersama generasi anak muda di dalam karibia masing-masing agar dapat diwujudkan para Muazzin dari kalangan generasi anak muda di masa akan datang.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta oleh Pegawai Tadbir Agama daerah Bagan Datuk. Diharap program-program yang berteraskan masjid dapat diperbanyak dan diolah agar dapat menarik minat generasi anak-anak muda. Dengan adanya kursus ini dapat membantu para Muazzin dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga kita semua beroleh manfaat serta kebaikan daripada Allah SWT.

